



# SJK ( C ) TAI TONG , SANDAKAN







*Perancangan Dan Pengurusan Serasi SJK (C ) Tai Tong,  
Sandakan*

*Visi*

Memastikan semua warga sekolah dapat mempraktikkan kehidupan yang mengutamakan amalan mesra alam dalam pengurangan secara berterusan hingga ke angka sifar terhadap penggunaan bahan buangan yang sukar dilupuskan dan meningkatkan penggunaan bahan buangan serta kesedaran dalam aktiviti kitar semula.

# *Misi*

Menggalakkan, meningkatkan dan mengekalkan pengurusan sumber bahan buangan dan projek kitar semula secara efisien demi menjanakan pendapatan tambahan dan mengurangkan pencemaran alam sekitar dan paling penting menyelamatkan sumber semulajadi yang tidak boleh diperbaharui.

***Selaras dengan konsep sekolah penyayang, SJK (C ) Tai Tong telah mengadakan kerjasama dengan Tabung Kebajikan Yayasan Taiwan Buddhist Tzu-Chi untuk melaksanakan Projek Kitar Semula. Mesej yang ingin disampaikan oleh pihak sekolah ialah beramal sambil mencintai alam sekitar. SJK (C ) Tai Tong akan menjadi pusat pengumpulan bahan kitar semula bukan sahaja dari kalangan murid-murid sekolah tetapi juga masyarakat setempat. Hasil yang diperolehi daripada aktiviti kitar semula ini akan didermakan kepada Tabung Kebajikan Yayasan Taiwan Buddhist Tzu-Chi untuk tujuan-tujuan kebajikan.***





Pusat Pungutan Hasil  
Kitar Semula  
Dan  
Sudut Pendidikan Alam  
Sekitar







Aktiviti pungutan hasil kitar semula dengan kerjasama Yayasan Taiwan Buddhist TZU-CHI Malaysia







*Objektif Perancangan Program Sekolah Wira  
Serasi*

*Ke Arah Kesedaran Kitar  
Semula,  
Peningkatan Amalan Mesra  
Alam,  
Hidup Sihat*

- 1. Meningkatkan kesedaran tentang projek kitar semula di kalangan para guru, murid-murid dan masyarakat setempat dengan kerjasama daripada Yayasan Taiwan Buddhist Tzu-Chi Malaysia, Cawangan Sandakan.**
- 2. Meningkatkan kesedaran tentang kepentingan kebersihan dan keceriaan kelas bagi mewujudkan suasana pembelajaran dan pengajaran yang lebih kondusif dan mesra alam.**
- 3. Menjana bahan buangan bagi kegunaan harian seperti Projek Enzyme Buah-buahan sebagai bahan pencuci yang mesra alam dan Projek Baja Kompos yang bebas daripada sebarang penggunaan bahan kimia.**
- 4. Menggurangkan penggunaan barangan plastik yang sukar dilupuskan seperti kotak makanan (Styrofoam) dan beg plastik hitam untuk pembuangan sampah ke tahap yang paling minimum atau sifar.**

**5. Memupuk kesadaran kepada semua warga murid dan kakitangan sekolah agar dapat memahami dan mempraktikkan amalan 5R secara efisien dalam kehidupan seharian yang mana dapat menyumbangkan kepada Kempen Penghijauan Sekolah secara langsung.**

**6. Mencantikkan dinding dan tangga sekolah yang suram dengan tulisan dan lukisan mural atas inisiatif guru dan hasil kerja para peserta projek sehingga ceria dan mampu menarik minat semua murid terhadap kesadaran tentang kepentingan amalan penghijauan sekolah**

**7. Mendidik murid-murid supaya melibatkan diri secara aktif dalam kegiatan yang berkaitan dengan Pendidikan Alam Sekitar.**

**8. Menggalakkan Amalan 5R (Rethink, Reduce, Repair, Reuse, Recycle) di sekolah untuk menjayakan Projek Serasi khususnya bagi kategori penghijauan sekolah.**



**Puan Tan Chew Keng (GB) , YB Datuk Linda Tsen Thau Ling ,para Lembaga Pengurusan Sekolah dan wakil alumni mengambil gambar sebagai kenangan di atas kejayaan SJK ( C ) Tai Tong mendapat Anugerah Sekolah Rakan Alam Sekitar SERASI 2013/2014  
KOMPONEN TANDAS BERSIH DAN CERIA (BANDAR)**

1. Pihak SJK ( C ) Tai Tong amat berterima kasih kepada YB Datuk Linda Tsen Thau Ling ( Parlimen P185, Kawasan Batu Sapi) kerana menyumbangkan tenaga, masa dan bantuan dana kewangan sebanyak RM5000 ke dalam tabung Unit Kebersihan & Keceriaan bagi menjayakan aktiviti yang melibatkan Projek Sekolah Rakan Alam Sekitar.

**SJK (C ) Tai Tong sentiasa mendapat penglibatan dan sokongan 100% daripada pelbagai pihak seperti YB Datuk Linda Tsen Thau Ling ,para Lembaga Pengurusan Sekolah dan wakil alumni dalam semua aktiviti dan projek yang melibatkan Pendidikan Alam Sekitar.**







Tarikh : 19 September 2012



LANCARAN PROGRAM RAKAN ALAM SEKITAR  
KAWASAN PARLIMEN P185 BATU SAPI

SRJK Tai Tong

RM 5,000/-

SRJK TAI TONG





2. Pihak SJK (C ) Tai Tong juga berterima kasih kepada para Lembaga Pengurusan Sekolah terutamanya Kapitan Voo Fook Ming yang sanggup membiayai hadiah wang tunai sebanyak RM400 setiap tahun untuk pertandingan kebersihan dan keceriaan kelas kategori tahap 1 & tahap 2.

Unit Kebersihan Dan Keceriaan juga telah mendapat kelulusan daripada pihak sekolah (tajaan Pihak Lembaga Pengurusan Sekolah) untuk mendapat tajaan RM50 bagi aktiviti menghias dan menceriakan kelas mengikut kreativiti para guru kelas dan murid-murid mereka sepanjang tahun 2014, 2015 & 2016. Diharapkan dengan peruntukan ini, setiap kelas akan kelihatan lebih kondusif dan ceria dan tahap pembelajaran para murid dapat dipertingkatkan.

3. Mendapat sijil penghargaan dari Yayasan Taiwan Buddhist Tzu – Chi Malaysia cawangan Sandakan di atas pembabitan SJK ( C ) Tai Tong dalam aktiviti Projek Kitar Semula sejak Tahun 2005 (Masih diteruskan sehingga sekarang).



**Selaras dengan konsep sekolah penyayang, SJK (C ) Tai Tong telah mengadakan kerjasama dengan Tabung Kebajikan Yayasan Taiwan Buddhist Tzu-Chi untuk melaksanakan Projek Kitar Semula. Mesej yang ingin disampaikan oleh pihak sekolah ialah beramal sambil mencintai alam sekitar. SJK (C ) Tai Tong akan menjadi pusat pengumpulan bahan kitar semula bukan sahaja dari kalangan murid-murid sekolah tetapi juga masyarakat setempat. Hasil yang diperolehi daripada aktiviti kitar semula ini akan didermakan kepada Tabung Kebajikan Yayasan Taiwan Buddhist Tzu-Chi untuk tujuan-tujuan kebajikan.**



台灣佛教慈濟基金會馬來西亞 (山打根聯絡處)  
YAYASAN TAIWAN BUDDHIST TZU-CHI MALAYSIA  
(CAWANGAN SANDAKAN)  
TAIWAN BUDDHIST TZU-CHI FOUNDATION MALAYSIA (Reg:2196-04-7)  
Bandar Indah, Block 11, Lot 2 & 3, 2nd Floor, Mile 4, Sandakan,  
P.P.M. 103, Elopura 90000 Sandakan, Sabah  
Tel: 089-212886 Fax: 089-212893  
Email: tzu\_chi\_sdk@yahoo.com.


Yayasan Taiwan Buddhist Tzu-Chi Malaysia, Cawangan Sandakan  
**SIJIL PENGHARGAAN**

Dengan ini diucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada  
**SJK(C) TAI TONG, SANDAKAN**  
Kerana menunjukkan minat dan mengambil bahagian dalam  
Aktiviti Projek Kitar Semula

&

mendermakan semua hasil jualan bahan kitar semula kepada Tabung  
Yayasan Taiwan Buddhist Tzu-Chi Malaysia, Cawangan Sandakan

Tahun	Kotak & Kertas	Aluminium	Besi	Plastik	Jumlah Sumbangan
2005	502kg	25kg	120kg	50kg	Rm258.70
2006	911kg	51kg	320kg	102kg	Rm293.10
2007	900kg	30kg	175kg	80kg	Rm311.60
2008	948kg	82kg	82.5kg	128kg	Rm592.15
2009	1422kg	103kg	82kg	112kg	Rm418.46
2010	4483kg	806kg	94kg	156kg	Rm440.23
2011	427kg	-	-	30kg	Rm41.28
Jumlah	9593kg	1097kg	873.5kg	658kg	Rm2355.52

()  
Pengerusi,  
Yayasan Taiwan Buddhist Tzu-Chi Malaysia,  
Cawangan Sandakan



臺灣佛教慈濟基金會（馬來西亞）山仔頂聯絡處  
TAIWAN BUDDHIST TZU-CHI FOUNDATION MALAYSIA  
(SANDAKAN BRANCH)  
Bendera Indah, Block 11, Lot 2 & 3, 2<sup>nd</sup> Floor, Mile 4, Sandakan,  
P.P.M. 103, Elopura 90000 Sandakan, Sabah -  
Tel: 089-212886 Fax: 089-212893

Yayasan Taiwan Buddhist Tzu-Chi Malaysia, Cawangan Sandakan

### SIJIL PENGHARGAAN

Dengan ini diucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada  
**SJK(C) TAI TONG, SANDAKAN**  
Kerana menunjukkan minat dan mengambil bahagian dalam  
Aktiviti Projek Kitar Semula

&  
Mendermakan semua hasil jualan bahan kitar semula kepada Tabung  
Yayasan Taiwan Buddhist Tzu-Chi Malaysia, Cawangan Sandakan

Tahun	Kotak & Kertas	Aluminium	Besi	Plastik	Jumlah Sumbangan
2012	5367.15kg	36kg	40kg	497kg	RM866.12
<b>Jumlah</b>	<b>5367.15kg</b>	<b>36kg</b>	<b>40kg</b>	<b>497kg</b>	<b>RM866.12</b>

Pengerusi,  
Yayasan Taiwan Buddhist Tzu-Chi Malaysia,  
Cawangan Sandakan



臺灣佛教慈濟基金會 (馬來西亞) 山打根聯絡處  
TAIWAN BUDDHIST TZU-CHI FOUNDATION MALAYSIA  
(SANDAKAN BRANCH)

Bandar Indah , Block 11, Lot 2 & 3 , 2<sup>nd</sup> Floor , Mile 4, Sandakan.  
P.P.M. 103, Elopura 90000 Sandakan , Sabah .  
Tel: 089-212886 Fax: 089-212893

Yayasan Taiwan Buddhist Tzu-Chi Malaysia, Cawangan Sandakan  
**SIJIL PENGHARGAAN**

Dengan ini diucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada

**SJK(C) TAI TONG, SANDAKAN**

Kerana menunjukkan minat dan mengambil bahagian dalam  
Aktiviti Projek Kitar Semula

&

Mendermakan semua hasil jualan bahan kitar semula kepada Tabung  
Yayasan Taiwan Buddhist Tzu-Chi Malaysia, Cawangan Sandakan

Tahun	Kotak & Kertas	Aluminium	Plastik	Jumlah Sumbangan
2013	2,374.00kg	45kg	290 kg	RM489.50
Jumlah	2,374.00kg	45kg	290kg	RM489.50



Pengerusi,  
Yayasan Taiwan Buddhist Tzu-Chi Malaysia  
Cawangan Sandakan



Kajian selidik yang dijalankan oleh Unit Kebersihan & Keceriaan Sekolah terhadap 100 orang responden yang terdiri daripada murid-murid Tahap 2 menunjukkan bahawa mereka tidak membawa banyak bahan kitar semula ke sekolah kerana ibu bapa mereka telah mempunyai kesedaran untuk menghadkan pembelian dan mengurangkan penggunaan beg plastik semasa membeli belah. Mereka kerap menggunakan beg hijau dan bekas makanan sendiri. Bersyukurlah kerana masyarakat telah mula memahami objektif Visi & Misi SJK  
 (C) Tai Tong, Sandakan.



Para responden untuk soal kaji selidik tentang pengurangan bahan kitar semula yang dibawa ke pusat pengumpulan kitar semula SJK (C) Tai Tong, Sandakan.

Jawapan :

Ibu bapa mereka membawa beg hijau semasa membeli belah.

Mengurangkan pembelian barangan keperluan dapur dan mengamalkan penjimatan serta mengelakkan pembaziran.

Membawa bekal makanan sendiri jika ingin membeli makanan di luar untuk dibawa pulang.

Aktiviti Gotong-royong Sempena Sambutan Hari Bumi Oleh Semua Unit Beruniform  
SJK (C ) Tai Tong Tahun 2015



Puan Tan Chew Keng (Guru Besar) memberi taklimat keselamatan dan kepentingan aktiviti gotong-royong untuk meningkatkan tahap kebersihan sekolah dan alam sekitar.

## Peraturan-peraturan Pelaksanaan Aktiviti Gotong-royong SJK( C) TAI TONG, SANDAKAN

- Guru penasihat diwajibkan memberi taklimat keselamatan kepada semua murid yang terlibat dalam aktiviti gotong-royong terlebih dahulu supaya kemalangan sewaktu bekerja dapat dielakkan.
- Murid-murid diwajibkan memakai baju yang bersesuaian ketika melakukan aktiviti gotong-royong.
- Guru penasihat harus memastikan semua murid di bawah jagaannya sihat dan berupaya melakukan tugas yang dipertanggungjawabkan kepada mereka.
- Langkah-langkah keselamatan dan kebersihan diri murid-murid harus diberikan keutamaan.
- Peralatan yang digunakan harus diselia dan berkeadaan baik sebelum diagihkan kepada murid-murid.
- Guru penasihat harus berada di kawasan gotong-royong bersama-sama dengan murid-murid untuk memantau keseluruhan perjalanan aktiviti gotong-royong itu.
- Sekurang-kurangnya dua orang guru penasihat diwajibkan berada dalam kumpulan yang tidak melebihi 30 orang murid.
- Keselamatan murid-murid harus diberikan keutamaan.
- Guru penasihat diminta meminta bantuan nasihat daripada seorang pekerja kebersihan sekolah untuk membantu murid-murid melaksanakan tugas gotong-royong ini.
- Pemantauan akan dijalankan oleh Guru Besar dan Penolong Kanan Hem.

# Kertas Kerja Perlaksanaan Aktiviti Gotong-royong SJK (C ) Tai Tong oleh SJK (C ) Tai Tong

## Objektif Gotong-royong

- Menggalakkan para murid mengamalkan sikap mengutamakan kebersihan alam sekitar dan kawasan sekolah dalam kehidupan seharian.
- Memupuk sikap bekerjasama di kalangan semua murid dalam melakukan aktiviti gotong-royong demi meningkatkan tahap kebersihan sekolah dan alam sekitar.
- Mendedahkan murid-murid kepada aspek-aspek penjagaan kebersihan berpandukan langkah-langkah yang betul dan tidak memudaratkan alam sekitar seperti pembakaran terbuka atau menggunakan bahan kimia yang berlebihan untuk kerja-kerja pembersihan.



Murid-murid berasa teruja kerana dapat menyertai aktiviti gotong-royong.



Puan Chiang King Vun (PK Hem) pula membahagikan tugas-tugas kepada setiap unit beruniform.



**Daun-daun kering yang dikutip oleh murid-murid dimasukkan ke dalam jaring khas untuk dibuat baja kompos bagi tanaman sayur-sayuran di kebun sekolah yang terletak di belakang kelas 5B dan 5H. Kebun sayur-sayuran itu telah diusahakan oleh unit beruniform Pandu Puteri sejak dua tahun yang lalu.**







**Puan Tan Chew Keng ( Guru Besar) dan beberapa orang guru memainkan peranan sebagai fasilitator dalam aktiviti gotong-royong ini. Cikgu Chow Oi Ling memberi tunjuk ajar kepada murid-murid supaya mengeluarkan semua daun kering yang terdapat di dalam longkang. Puan Tan Chew Keng (Guru Besar) pula membimbing murid-murid tentang cara-cara membuat baja kompas. Beliau menegur sebilangan murid yang memasukkan ranting-ranting pokok ke dalam jaring baja kompas.**



# Projek Penghasilan Enzyme Buah-Buahan SJK (C ) Tai Tong Bagi Tahun 2015







***Menggunakan air tadahan hujan untuk aktiviti Projek Penghasilan Enzyme Buah-Buahan.***



Kami sudah berjaya. Inilah hasil kami.



Duduk di atas kerusi di belakang para peserta kursus ialah warga ibu bapa.

**Penglibatan ibu bapa para murid sentiasa digalakkan oleh pihak SJK © Tai Tong dalam semua aktiviti sekolah yang berkaitan dengan Pendidikan Alam Sekitar.**





Enzyme buah-buahan ini setelah siap diproses perlu disimpan sekurang-kurangnya 3 bulan sebelum dapat digunakan. Fungsi kegunaannya adalah seperti berikut:

1. Sebagai bahan pencuci lantai kantin & tandas, singki, pinggan mangkuk, peti sejuk, cermin tingkap dan longkang.
2. Baja organik daripada sisa enzyme buah-buahan untuk semua tanaman di sekolah.
3. Sebagai pelarut untuk rawatan longkang tersumbat. (Penggunaan kuantiti enzyme buah-buahan bergantung kepada kedalaman air longkang tersebut)

***Post Mortem***  
***Perlaksanaan Projek Penghasilan Enzyme Buah-buahan SJK (C ) Tai Tong***  
***Bagi Bulan 1 Julai 2015 Hingga 1 Oktober 2015***  
***Oleh***  
***(Unit Kebersihan Dan Keceriaan)***

Unit kebersihan dan keceriaan telah berjaya melaksanakan Projek Penghasilan Enzyme Buah-buahan ini pada 1 Julai 2015. Projek Penghasilan Enzyme Buah-buahan ini dimulakan dari pukul 1.00 tengah hari hingga 2.30 petang dan dijalankan secara berperingkat-peringkat seperti dalam aturcara program yang telah dibentangkan oleh Cikgu Jee Siew Ling selaku ketua Unit Kebersihan dan Keceriaan sekolah pada 25 Jun 2015 (Hari Khamis) jam 1.30 tengah hari di pejabat guru.

Dijangka semua murid dari Tahun 3, 4, 5 dan 6 telah mengambil bahagian yang aktif dan memahami secara mendalam tentang cara-cara penghasilan enzyme buah-buahan ini. Proses pelaksanaan projek ini dikatakan agak berjaya kerana semua prosedur yang diperlukan telah dipatuhi oleh para guru dan murid-murid.

## Ulasan Guru Besar

Guru Besar berasa amat gembira dan berpuas hati setelah menjalankan pemantauan terhadap keseluruhan pelaksanaan perjalanan projek ini. Memandangkan projek ini telah mendapat sambutan yang hangat daripada para peserta, maka dengan ini dicadangkan agar tindakan susulan seperti berikut dapat dilakukan:

## Cadangan dan Tindakan Susulan

Guru Besar berharap agar semua guru kelas dapat meluangkan sedikit masa setiap hari untuk menerangkan tentang langkah-langkah penjagaan produk enzyme buah-buahan yang perlu dipatuhi oleh setiap orang murid sehingga tempoh matang 3 bulan dari tarikh enyzme buah-buahan ini dihasilkan sebagai kursus lanjutan supaya objektif Projek Penghasilan Enzyme Buah-buahan ini benar-benar difahami dan diselami oleh murid-murid. Harapan utama Puan Tan Chew Keng selaku Guru Besar ialah penekanan tentang kepentingan pengetahuan murni ini terhadap alam sekitar dapat diteruskan dan diaplikasikan bukan sahaja di sekolah tentang juga di rumah para pelajar.



**Pameran Projek Penghasilan Enzyme Buah-buahan ini bertujuan untuk menerangkan kepada murid-murid tentang langkah-langkah penjagaan produk enzyme buah-buahan sehingga tempoh matang 3 bulan dari tarikh enzyne buah-buahan ini dihasilkan . Pameran ini adalah sebagai kursus lanjutan supaya objektif Projek Penghasilan Enzyme Buah-buahan ini benar-benar difahami dan diselami oleh murid-murid.**



## Iklan Promosi Kebaikan Produk Mesra Alam (lakonan) Oleh Ahli-ahli Rakan Alam Sekitar

Pohon ubi tegak berdiri,  
Apatah lagi pohon keladi,  
Jika ingin dunia berseri,  
Jagalah alam semulajadi. (Syarina Woon)

---

Dua tiga kucing berlari,  
Mana nak sama si kucing belang,  
Jika tidak menjaga bumi,  
Nanti datang bencana alam. (Low Jia Ying)

---



Berita baik untuk semua hadirin, (Syarina Woon & Low Jia Ying)

Inilah produk yang dihasilkan oleh murid-murid SJK (C) Tai Tong - Produk Mesra Alam (Enzyme Buah-buahan) (Low Jia Ying)

Apakah kebaikan enzyme buah-buahan ini? (Syarina Woon)

Sebagai bahan pencuci untuk lantai, pinggan mangkuk dan cermin tingkap . (Low Jia Ying)

Oh, tidak payah membeli bahan pencuci yang mahal di pasaran. ( ABCD)

Ini bermakna kita dapat jimat wang dan tidak mencemarkan alam. (EFGH)

Sebagai bahan pencuci rambut yang efisien. (Baik untuk kelumumur) (Syarina Woon)



Wah, cantiknya rambut anda? Tidak ada kelumumur. (A)

Tentulah, saya gunakan enzyme buah-buahan untuk mencuci rambut saya. (B)

Sebagai rawatan kulit bermasalah. ( Low Jia Ying)

Hai, kawan. Tidak mandi ke? (A)

Baru saya mandi. Entah mengapa kulit saya gatal-gatal? (B)

Mungkin dijangkiti penyakit kulit. (C )

Baik kamu pergi jumpa doktor. (C)

Esok saya akan pergi jumpa doktor. Aduh, habislah duit aku lagi. (B)

Gunakanlah enzyme buah-buahan. (A)

Eh, teruklah kamu ni. Kalau benda ini berkesan, buat apa orang bersusah-payah belajar di universiti untuk menjadi doktor. (B)

Cubalah dulu. (C)

Eh, berkesan juga. (B)



Teruja kerana dapat membuat persembahan di sekolah lain.

## Menjauhi semut. (Syarina Woon)

Heeeee, banyak semutnya. Cepat pergi ambil penyembur serangga. (A)

His kamu ni! Janganlah mencemarkan alam dengan penyembur serangga yang mahal itu. (B)

Gunakanlah enzyme buahan-buahan buatan sendiri. Kosnya baru beberapa sen sahaja untuk gula perang 100gm bagi botol besar ini. (C)

Lagipun kulit buah-buahan adalah percuma.

(A, B, C)

## Baja organik untuk tanaman (Low Jia Ying)

Suburnya sayur-sayuran di sini. (A)

Oh, saya gunakan air dan sisa enzyme ini sebagai baja organik. (B)

Betul ke. (A)

Buat apa saya tipu kamu. Tak yakin ke. (B)

Kalau begitu ajarlah saya buat enzyme buah-buahan ini. (A)

Baiklah. Benda baik perlu dikongsi bersama-sama.

Lagipun percuma. Saya tidak rugi satu sen pun. (B)

Hadirin sekalian, (Low Jia Ying)

Cuma satu penutup botol sahaja untuk 1000ml air.  
Jangan tamak oh. Sekian, terima kasih. (Semua Murid)

## **Laporan Taklimat Sambutan Minggu Alam Sekitar SJK (C ) Tai Tong, *Sandakan Bagi Tahun 2015***

Puan Tan Chew Keng selaku Guru Besar SJK (C ) Tai Tong telah menyampaikan satu taklimat tentang sambutan Minggu Alam Sekitar SJK (C ) Tai Tong pada 6 Julai 2015 dari pukul 6.45 pagi hingga 7.15 pagi bertempat di gelanggang bola keranjang sekolah. Taklimat ini bertujuan untuk menyeru kepada semua warga pendidik, kakitangan dan murid-murid sekolah supaya bekerjasama untuk menjayakan **Kempen Hari Tanpa Beg Plastik** yang sedang dijalankan di sekolah ini.

# KEMPEN BEG HIJAU SJK(C) TAI TONG, SANDAKAN

## OBJEKTIF

- Bertujuan untuk mengurangkan penggunaan beg plastik.
- Menyedarkan murid-murid tentang kesan buruk beg plastik.

### Penggunaan Beg Hijau

- Beg hijau mudah dilipat dan dibawa ke mana-mana.
- Beg hijau tahan lasak dan boleh digunakan berulang kali.



Perhatian

Dilarang menggunakan bekas makanan  
**STYROFOAM** di sekolah ini.



**ARAHAN TEGAS**

Pihak sekolah SJK ( C ) Tai Tong, Sandakan

***Antara langkah-langkah yang telah ditetapkan oleh Unit Kebersihan dan Keceriaan melalui mesyuarat pada 1 Julai 2015 dan perlu dipatuhi oleh semua warga sekolah sepanjang Kempen Hari Tanpa Beg Plastik sempena Minggu Alam Sekitar SJK (C) Tai Tong adalah seperti berikut:***

- **Semua warga sekolah dilarang membawa dan menggunakan beg plastik dari 7 Julai 2015 hingga 29 Ogos 2015.**
- **Semua warga sekolah diminta membawa bekal makanan sendiri ketika membeli makanan dan minuman di kantin.**
- **Pihak kantin juga tidak boleh menggunakan beg plastik sepanjang kempen itu dijalankan.**
- **Guru Besar akan menyampaikan taklimat dan seterusnya merasmikan Kempen Hari Tanpa Beg Plastik pada 6 Julai 2015 di hadapan semua murid dan guru serta kakitangan sekolah.**
- **Murid-murid yang melanggar larangan ini akan dicatat namanya dan diberikan nasihat dan teguran semasa perhimpunan sekolah pada setiap pagi hari Isnin. Pihak sekolah berharap dengan cara ini, mereka akan sedar tentang kepentingan memberi kerjasama kepada pihak sekolah supaya tidak menggunakan beg plastik demi mengurangkan kesan negatif kepada alam sekitar.**
- **Pemantauan akan dijalankan oleh semua warga pendidik dengan dibantu oleh ahli-ahli dari Kelab Rakan Alam Sekitar di setiap kelas masing-masing.**

Guru Besar berharap semua warga sekolah dapat memberi komitmen dan berazam akan mempromosi Kempen Hari Tanpa Beg Plastik ini secara menyeluruh bagi memastikan objektif Minggu Alam Sekitar sekolah ini tercapai. Selain itu, Guru Besar meminta semua guru membuat tindakan susulan dengan menjelaskan objektif Kempen Hari Tanpa Beg Plastik ini kepada murid-murid sekolah secara berperingkat ketika waktu pengajaran dan pembelajaran dijalankan.





Antara langkah-langkah yang telah ditetapkan oleh Unit Kebersihan dan Keceriaan dan perlu dipatuhi oleh semua warga sekolah sepanjang kempen tersebut sempena ***Kempen Hari Tanpa Beg Plastik sempena Minggu Alam Sekitar SJK (C) Tai Tong*** adalah seperti berikut:

- Semua warga sekolah dilarang membawa dan menggunakan bekas makanan poliserin dan plastik untuk tempoh masa yang tidak terhad.
- Semua warga sekolah diminta membawa bekas makanan sendiri ketika membeli makanan dan minuman di kantin.
- Pihak kantin ditegah menggunakan bekas makanan jenis poliserin dan plastik. Beliau harus menggantikan bekas makanan jenis poliserin ini kepada bekas makanan anti gelombang mikro jika terdapat murid-murid yang terlupa membawa bekas makanan mereka.







20160219\_125619.mp4



20160219\_130214.mp4

# Penggunaan Bekal Makanan Sendiri & Beg Hijau Mencapai Angka 100%



# **Pertandingan Reka Cipta Barangan Kitar Semula Dengan Menggunakan Bahan Kitar Semula Bagi Tahun 2015**

**Tarikh : 17 Ogos 2015**

Hadiah

( Johan RM100 & hamper, naib johan RM80 & hamper, tempat ketiga RM60 & hamper dan 10 sagu hati RM 20 & hamper)

## ***Syarat-syarat penyertaan***

Pertandingan ini terbuka kepada semua murid sekolah.

- 13 hadiah hamper & wang tunai untuk 13 para pemenang. ( Johan RM100 & hamper, naib johan RM80 & hamper, tempat ketiga RM60 & hamper dan 10 sagu hati RM 20 & hamper)

- Penyampaian hadiah akan dilakukan pada 15 September 2015 (Selasa).
- Reka Cipta Bahan Hiasan tersebut harus dibuat di rumah para peserta dengan bantuan ibu bapa mereka. Ini bermakna pertandingan ini adalah disertai oleh seorang murid dengan ibu bapa atau penjaga mereka. Syarat penyertaan tidak melebihi 3 orang. (Terhad kepada satu penyertaan sahaja untuk seorang murid.)

- Bahan utama yang perlu digunakan ialah sebarang bahan kitar . Hasil kerja para peserta akan dinilai daripada 4 kriteria iaitu :
- Penggunaan bahan kitar semula. (40 markah)
- Kreativiti para peserta dan ahli keluarga mereka. (10 markah)
- Kegunaan bahan reka cipta tersebut. (30 markah)
- Keunikan luaran. (20 markah)

- Keputusan hakim adalah muktamad. Sebarang bantahan atau rayuan tidak akan dilayan.
- Tarikh tutup penyertaan adalah pada pukul 9.00 pagi 14 September 2015.
- Hasil kerja para peserta hendaklah diserahkan kepada guru kelas masing-masing dan dipamerkan di dalam sudut khas di perpustakaan sekolah.
- Para pemenang akan diumumkan dan ahli keluarga mereka dijemput hadir semasa majlis penyampaian hadiah dijalankan pada 15 September 2015.
- Hasil kerja para peserta yang memenangi hadiah tidak akan dipulangkan dan menjadi milik pihak sekolah.

## ***Objektif***

- Memupuk kesedaran para murid sekolah dan ahli keluarga mereka tentang betapa pentingnya menghargai bahan buangan yang dapat dijanakan kembali penggunaannya.
- Meningkatkan inovasi dan kreativiti para murid dalam bidang reka cipta bahan buangan untuk menjadi bahan yang berkualiti nilainya.
- Meningkatkan minat dan mewujudkan persaingan yang sihat di kalangan para peserta dalam menjayakan satu projek reka cipta barang kitar semula dengan menggunakan bahan buangan.

- Mencari idea dan mengenalpasti kegunaan setiap bahan buangan yang biasa didapati dalam kehidupan harian mereka.
- Melibatkan penyertaan para ibu bapa atau ahli keluarga warga murid dalam aktiviti yang dijalankan oleh pihak sekolah supaya hubungan mesra antara pihak sekolah dengan ibu bapa murid dapat dipertingkatkan.



**Puan Tan Chew Keng (Guru Besar) & Cikgu Jee Siew Ling (Guru Serasi & Unit Kebersihan dan Keceriaan) memberi taklimat tentang objektif dan syarat-syarat pertandingan.**

**LAPORAN PENYELIDIKAN TENTANG KESEDARAN AKTIVITI KITAR  
SEMULA SJK (C) TAI TONG, SANDAKAN DENGAN KERJASAMA  
FIRST CITY UNIVERSITI COLLEGE**

- Nama Penyelidik : Cik Hong Sin Yee (Student ID No. A3119)
- Guru Sekolah : Puan Chiang King Vun (PK HEM)  
Cikgu Jee Siew Ling ( Ketua Unit Kebersihan & Keceriaan)  
Cikgu Kong Sui Yin ( Guru Kelas 3H)
- Tarikh : 23 JANUARI 2017
- Masa : 9.40 pagi – 10.20 pagi
- Sasaran : 32 responden (Murid Tahun 3H)


*Unit Kebersihan & Keceriaan SJK (C )  
Tai Tong, Sandakan telah bekerjasama  
dengan pihak First City Universiti  
College untuk mengadakan satu kajian  
selidik berkaitan kesedaran para murid  
(32 responden) tentang kesedaran  
pentingnya aktiviti kitar semula di  
sekolah dan di rumah.*

## Objektif :

- Mencari alternatif untuk meningkatkan aktiviti kesedaran kitar semula di sekolah.
- Mendapat maklumat yang tepat tentang pencapaian aktiviti kitar semula di sekolah.

**Hasil Kajian :** 32 responden yang terdiri daripada murid-murid Tahun Tiga Hijau telah menunjukkan prestasi yang membanggakan pihak sekolah. Para responden berjaya menjawab semua soalan yang dikemukakan oleh pengkaji. Bukan itu sahaja, mereka juga mengambil bahagian secara aktif dalam aktiviti yang dijalankan oleh pengkaji.





# PAMERAN DI LUAR DEWAN SERBAGUNA SJK (C) TAI TONG, SANDAKAN



















# PARA JURI SEDANG MENELITI HASIL REKA CIPTA PARA PESERTA DI SAMPING MEMBUAT SARINGAN PERTAMA DI PUSINGAN PENGADILAN AWAL





# Pertandingan Fesyen Pakaian Menggunakan Bahan Buangan

Tarikh : 30 Ogos 2016





Para ibu membantu anak mereka memakai pakaian yang direka dengan menggunakan bahan buangan.







- Penyampaian hadiah disempurnakan oleh YB Datuk Linda Tsen Thau Ling dengan diiringi oleh para lembaga pengurusan sekolah & guru Besar

# Laporan Projek Keceriaan ( Lukisan Mural) & Penghasilan Tapak Pasu Bunga Minions Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) Tai Tong, Sandakan Bagi Tahun 2015/2016

## Pengenalan

Projek keceriaan ini merupakan salah satu projek yang dianjurkan oleh Unit Kebersihan & Keceriaan Sekolah untuk menguji kreativiti guru dan murid di samping dapat melihat komitmen mereka dalam menjayakan sesuatu projek.

## Objektif

- Mencantikkan dinding dan lantai sekolah yang suram dengan lukisan mural atas inisiatif guru dan hasil kerja para peserta projek sehingga ceria dan mampu menarik minat semua murid terhadap kesedaran tentang kepentingan amalan penghijauan sekolah
- 
- Mendidik murid-murid supaya melibatkan diri secara aktif dalam kegiatan yang berkaitan dengan Pendidikan Alam Sekitar.
- 
- Menggunakan bahan terbuang iaitu tayar untuk menghasilkan tapak pasu bunga Minions.

**Proses Penghasilan Tapak Pasu Bunga Minions Di Gelanggang Bola Keranjang Berbumbung. Guru-guru melakukan sentuhan terakhir untuk mencantikkan pasu bunga Minions tersebut. Projek ini adalah hasil kerjasama antara para murid Tahun 4B dengan diselia dan dibimbing oleh Cikgu Chin Kok Chung.**



















Projek Tulisan Dan Lukisan Mural  
tentang Pendidikan Alam Sekitar









**Projek lukisan mural ini mendapat bimbingan & tunjuk ajar daripada Persatuan Pandu Puteri Sandakan. Puan Tan Chew Keng (Guru Besar) memberi sijil penghargaan dan angpau kepada dua orang fasilitator tersebut.**











**“Snake Ladder Game “ yang dilukis di atas lantai ini amat digemari oleh para murid.**







Belum Siap Lagi . Teruskan Usaha Anda



给自己一个机会



给自己一个机会







Siap 100% (Program Penetapan Target)

# Kempen Bulan Penghijauan Sekolah SJK (C ) Tai Tong, Sandakan Bagi Tahun 2015.

## Aktiviti-aktiviti

- Aktiviti Pengasingan Sampah



*Menggalakkan murid-murid mempertahankan kesejahteraan bumi dengan menyuarakan pelbagai langkah ke arah pemuliharaan alam sekitar melalui hasil kraf tangan mereka dengan menggunakan bahan kitar semula seperti botol mineral, kulit telur dan tray telur.*







Murid digalakkan menghasilkan alat-alat muzik seperti gitar dengan menggunakan bahan buangan ketika kelas Pendidikan Seni Visual.



Pameran Hasil Kerja Murid di belakang kelas.





Bergaya dengan hasil tangannya iaitu gitar yang diperbuat daripada bahan kitar semula.

## Ceramah Kepentingan Kitar Semula dan Amalan 5R oleh Tabung Kebajikan Yayasan Taiwan Buddhist Tzu Chi Cawangan Sandakan

Objektif :

- Menggunakan bahan buangan (botol mineral) untuk menghasilkan barang keperluan seperti baju, stoking, kasut bayi, barangan hiasan dan selimut.
- Memupuk sikap menghargai sumber alam yang sedia ada dan mengelakkan pembaziran.
- Mengasah bakat dan kreativiti para pelajar dalam penghasilan dan ciptaan bahan berguna daripada bahan buangan.
- Meningkatkan pengetahuan murid-murid tentang betapa pentingnya penjagaan alam sekitar demi kebaikan generasi hari ini dan masa depan dengan mengamalkan Amalan 5R dalam kehidupan mereka.



**Penceramah Jemputan dari Tabung Kebajikan Yayasan Taiwan Buddhist Tzu Chi Cawangan Sandakan (Tahun 2015)**



**BajuT-Shirt dan selendang yang diperbuat daripada botol plastik yang telah dikitar semula.**



Unit Kebersihan Dan Keceriaan telah berjaya mengadakan satu ceramah tentang kepentingan kitar semula dan amalan 5R kepada semua murid sekolah yang terdiri daripada murid dari Tahun 1 hingga Tahun 6. Ceramah ini diadakan sempena *Kempen Bulan Penghijauan Sekolah* yang jatuh pada 2 November 2015 hingga 16 November 2015



Ceramah ini dibahagikan kepada dua slot iaitu ceramah tentang ***Kepentingan Kitar Semula*** oleh penceramah-penceramah dari Tabung Kebajikan Yayasan Taiwan Buddhist Tzu Chi Cawangan Sandakan. Ceramah ini berjalan selama sejam. Para peserta kursus juga disajikan dengan tayangan DVD di permulaan ceramah tersebut. Hasilnya, semua peserta kursus berasa terpegun dan kagum apabila melihat bahan buangan iaitu botol mineral dapat diproses untuk dijadikan benang bagi menghasilkan baju T- Shirt, stoking, kasut bayi dan selimut. Kreativiti dan inisiatif mereka telah membawa hasil yang begitu menakjubkan sehingga mendapat pujian daripada semua pihak.

Slot kedua ialah tentang ***Kepentingan Amalan 5R (Rethink, Reduce, Reuse, Repair dan Recycle )*** dalam kehidupan harian. Penceramah menyerukan kepada semua peserta kursus supaya mengamalkan Amalan 5R ini di sekolah dan di rumah dengan memberikan mereka beberapa contoh yang relevan.

Ceramah ini berjaya mendapat sambutan yang hangat daripada para peserta. Objektif ceramah ini tercapai kerana wujud perubahan tingkah laku yang ketara di kalangan para peserta melalui kaedah pemerhatian dan sesi soal jawab yang dijalankan oleh para penceramah dengan para peserta kursus. Ceramah ini tamat tepat pada pukul 8.45 pagi.



***Seorang guru lelaki mencuba selendang yang diperbuat daripada botol mineral (plastik) yang dikitar semula. Puan Tan Chew Keng ( Guru Besar) menyampaikan sijil penghargaan kepada wakil penceramah dari Tabung Kebajikan Yayasan Taiwan Buddhist Tzu Chi Cawangan Sandakan.***



Ceramah Tentang Kepentingan Kitar Semula oleh  
( Yayasan Taiwan Buddhist Tzu – Chi Malaysia) pada  
Tahun 2014



Ceramah Tentang  
Amalan 5R  
(Rethink, Reduce,  
Repair,  
Recycle, Reuse)

- Membantu pihak sekolah dalam menyebarkan maklumat terkini tentang pelaksanaan aktiviti kitar semula yang dipromosikan oleh pihak sekolah dari semasa ke semasa.
- Menjadi “**role model**” yang boleh dicontohi oleh semua murid sekolah dalam aktiviti kitar semula.

Guru Besar berharap semua rakan kitar semula yang dipilih oleh guru kelas masing-masing dapat melaksanakan tanggungjawab mereka dengan cemerlang sekali demi kejayaan projek kitar semula yang dijalankan oleh SJK (C ) Tai Tong sejak tahun 2005 lagi. Guru Besar dengan kerjasama Unit Kebersihan dan Keceriaan sekolah akan menjalankan pemantauan dari semasa ke semasa untuk menentukan semua rakan kitar semula berjaya melaksanakan tugas mereka seperti mana yang disarankan oleh pihak sekolah.











子  
见

信

人训  
亲仁

孝

应勿缓

须敬听

夏则清

告反必面

小勿擅为

小勿私藏

所好力为具

与有伤 胎亲忧

亲爱我 孝何难

亲有过 谏使更

亲有疾 药先尝

亲三年 常忆尝

亲在堂 昼夜忙

亲没后 丧三年

亲丧后 祭必诚

亲没后 祭必诚

亲没后 祭必诚

亲没后 祭必诚

亲没后 祭必诚

亲没后 祭必诚

亲没后 祭必诚

亲没后 祭必诚

亲没后 祭必诚

亲没后 祭必诚

亲没后 祭必诚

亲没后 祭必诚

亲没后 祭必诚

者先 幼者后

人有短 切莫揭  
人有私 切莫说  
人之善 愈思勉

弟子 圣人训 而亲仁 孝 勿慢 应勿慢 敬 必面 推为 私藏 忧 难 史



PAMERAN HASIL  
KERJA MURID  
UNTUK BULAN  
OKOS







**Murid-murid berminat berkumpul untuk melihat bahan-bahan yang dipamerkan kerana semua aktiviti dan projek Alam Sekitar ini melibatkan mereka.**

Program Cintailah Kesejahteraan Bumi Kita  
Sempena Sambutan Hari Bumi SJK (C ) Tai Tong,  
Sandakan Bagi Tahun 2014

- Tarikh : Sepanjang Bulan April
- Masa : Kelas Pendidikan Seni Visual
- Tempat : Kelas masing-masing & Replika Model Bumi
- Tindakan : Semua Guru Pendidikan Seni Visual Kelas  
Masing-masing
- Sasaran : Semua Murid, Ibu Bapa Dan Warga Sekolah

Sempena sambutan hari bumi yang diadakan pada 22 April setiap tahun di seluruh dunia, Unit Kebersihan & Keceriaan SJK (C ) Tai Tong telah merancangkan satu program di mana setiap murid dan warga pendidik dapat meluahkan hajat mereka terhadap kesejahteraan bumi kita melalui hasil kraf tangan dengan menggunakan bahan plastik seperti botol mineral. Hasil kraf tangan tersebut kemudiannya ditulis dengan pelbagai kata-kata hajat tentang cinta dan perasaan mereka terhadap kesejahteraan bumi.

Untuk mencapai usaha murni ini, pihak sekolah telah berjaya membuat sebuah replika sfera bumi setinggi 6 kaki dengan diameter 6 kaki lebar yang berharga RM950. Tapak kaki untuk replika bumi ini pula dibuat secara berasingan dan sebesar 3 X 3 X 3 kaki dengan harga RM400. Jumlah keseluruhan kos untuk replika sfera bumi ini adalah RM1,350.

# Objektif

- Mendedahkan kepada para murid tentang betapa bersyukur mereka dapat hidup di bumi yang tidak tercemar khususnya di Malaysia yang masih kaya dengan sumber hutan.
- Menggalakkan murid-murid mempertahankan kesejahteraan bumi dengan menyatakan hajat-hajat yang positif seperti menyuarakan pelbagai langkah ke arah pemuliharaan alam sekitar melalui hasil kraf tangan mereka dengan menggunakan bahan kitar semula seperti botol mineral.
- Meningkatkan hasil kreativiti para murid terhadap penggunaan bahan kitar semula untuk tontonan masyarakat.
- Melaksanakan tanggungjawab mereka terhadap pelbagai aktiviti yang dapat meningkatkan kesedaran ke arah pemeliharaan dan pemuliharaan muka bumi.
- Sebagai perantara untuk menyeru semua lapisan masyarakat bekerjasama dan saling membantu dalam memelihara alam sekitar supaya kebersihan alam sekitar dapat ditingkatkan dalam kehidupan kita.

# Program Cintailah Kesejahteraan Bumi Kita Sempena Sambutan Hari Bumi SJK (C ) Tai Tong, Sandakan Bagi Tahun 2014



# Program Cintailah Kesejahteraan Bumi Kita Sempena Sambutan Hari Bumi SJK (C ) Tai Tong









**MAJLIS PERASMIAN PROGRAM CINTAILAH  
KESEJAHTERAAN BUMI KITA SEMPENA  
SAMBUTAN HARI BUMI  
SJK (C) TAI TONG, SANDAKAN  
山打根大同小学地球日宣传活动开幕典礼  
(TEMA : Luahan Cinta Kepada Bumi  
主题: “爱地球。表心意” )**

**DISEMPURNAKAN OLEH**

**Y.B DATUK TSEN THAU LING  
PARLIMEN P185  
KAWASAN BATU SAPI**







**Hasil Tangan  
Y.B Datuk Tsen Thau Ling  
Parlimen P185  
Kawasan Batu Sapi**





## *Kempen Menanam Anak Pokok Hiasan SJK (C ) Tai Tong, Sandakan Sempena Hari Bumi Tahun 2013*

*Unit kebersihan Dan Keceriaan SJK (C ) Tai Tong akan melaksanakan kempen menanam anak pokok hiasan dan dekorasi di dalam pasu (botol mineral air 1500 ml) pada 30 April 2013. Sumber pokok dan pasu bunga ini adalah diperolehi daripada sumbangan para murid dan guru sekolah. Kempen ini diharapkan akan berjaya mendapat sambutan hangat daripada semua warga guru dan murid-murid. Para ibu bapa murid juga dijemput datang ke sekolah pada hari itu dan mengambil bahagian dalam aktiviti penanaman pokok ini bersama-sama anak-anak mereka.*

***Kempen Menanam Anak Pokok Hiasan Sempena Hari Bumi  
Oleh Unit Kebersihan Dan Keceriaan  
SJK (C ) Tai Tong, Sandakan  
Tarikh : 30 April 2013  
Dirasmikan Perlancarannya Oleh Datuk Tsen Thau Ling***



Seramai 30 orang murid dari kelas Tahun 6B mendeklamasi sajak yang bertajuk “Pokok”. Persembahan mereka ini mendapat sambutan dan tepukan yang gemuruh daripada semua warga guru, murid dan para jemputan.



*Pokok oh pokok,  
Hijau menghiasi bumi,  
Tanpamu pincanglah kami,  
Hidup tanpa udara,  
Tentu kita mati.  
Kamu memberi kayu,  
Yang dibuat rumah dan kayu api.  
Kamu juga memberi makanan,  
Yang patut dimakan  
Patut ke kami potong kamu begitu  
sahaja?  
Sesudah kamu berbakti kepada kami.  
Terima kasih banyak-banyak hai pokok  
,  
Harap jumpa lagi!*

# Majlis Penanaman Anak Pokok Hiasan Oleh Para Jemputan Khas





**Wujud kerjasama di kalangan semua pihak termasuk ibu bapa para murid.  
*Laporan Taklimat Ringkas Tentang Hari Bumi SJK (C) Tai Tong, Sandakan Pada  
Tahun 2013***



***Teks Ucapan Y.B Datuk Tsen Thau Ling Sempena Upacara Perasmian Sambutan Hari Bumi SJK (C ) Tai Tong Bagi Tahun 2013.***



**Ahli-ahli Rakan Kitar Semula menunjukkan langkah-langkah menanam anak pokok hiasan di kantin sekolah seminggu sebelum Majlis Penanaman Anak Pokok yang bakal dirasmikan pelancarannya oleh Datuk Linda Tsen Thau Ling pada 30 April 2013.**



**Murid-murid dibimbing secara berkumpulan tentang cara-cara memotong botol mineral menjadi pasu bunga seminggu sebelum Majlis Penanaman Anak Pokok .**

***PROJEK PENANAMAN POKOK TOMATO DENGAN  
MENGUNAKAN BAJA ENZYME BUAH-BUAHAN BAGI TAHUN 2013***

**PROJEK : PROJEK PENANAMAN POKOK TOMATO**

**TARIKH : JANUARI 2013- OKTOBER 2013**

**TEMPAT : KEBUN SAYUR-SAYURAN**

**SASAR : PERSATUAN PANDU PUTERI MALAYSIA  
AN  
SJK (C) TAI TONG**

**MASA : 6.30 pagi hingga 6.45 pagi setiap hari  
persekolahan  
(5 orang sekumpulan)**

## ***Pengenalan Projek***

Setiap unit beruniform SJK (C ) Tai Tong diberikan peranan dalam mewujudkan dan menyelenggara Projek Tomato yang berkonsepkan penghijauan alam sekitar. Projek yang dirancangkan ini akan dilaksanakan sepenuhnya sepanjang Tahun 2013 dan melibatkan semua ahli Persatuan Pandu Puteri Malaysia SJK (C ) Tai Tong. Objektif utama pihak sekolah adalah untuk mewujudkan suasana sekolah yang menitikberatkan konsep penghijauan

## ***Matlamat Projek***

SJK (C ) Tai Tong, Sandakan bakal menjadi sebuah sekolah yang kondusif bagi melahirkan warga sekolah yang dapat mempraktikkan amalan pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar. Jika berjaya, sekolah ini akan sentiasa berada dalam suasana yang mesra alam dan bebas daripada pencemaran.

## ***Objektif Projek***

1. Memberi kesedaran kepada semua warga murid tentang betapa pentingnya pelaksanaan aktiviti pemuliharaan alam sekitar demi menyelamatkan bumi kita.
2. Memperkenalkan kepada murid-murid tentang beberapa langkah mesra alam yang boleh dipraktikkan oleh mereka seperti penggunaan air dan sisa enzyme buah-buahan sebagai baja organik.
3. Menggalakkan warga murid melaksanakan aktiviti mesra alam secara efisien.
4. Mewujudkan suasana sekolah yang kondusif bagi melahirkan warga sekolah yang sentiasa mempraktikkan amalan hidup lestari.



Penggunaan air dan sisa enzyme buah-buahan sebagai baja organik.









## Laporan Ringkasan Proses Perjalanan Kempen Menanam Pokok SJK (C ) Tai Tong, Sandakan

*SJK (C ) Tai Tong berjaya menanam sebanyak 338 batang pokok jenis hiasan dan dekorasi di dalam pasu bunga. Sumber pokok dan pasu bunga ini adalah diperolehi daripada penaja iaitu Puan Helen dan juga sumbangan para murid dan guru sekolah. Kempen ini telah berjaya mendapat sambutan hangat daripada semua warga sekolah dan murid-murid. Beberapa orang ibu bapa murid juga datang dan mengambil bahagian dalam aktiviti penanaman pokok ini bersama-sama anak-anak mereka.*

*Ceramah ringkas yang diberikan oleh Puan Tan Chew Keng selaku Guru Besar sekolah tentang tema kempen “ Bumi Hijau Alam Sejahtera” meninggalkan kesan yang mendalam dan menarik minat semua murid terhadap kepentingan alam sekitar dan proses pemuliharaan alam sekitar secara berterusan. Harapan pihak sekolah terhadap kempen ini ialah murid-murid sekolah dapat meneruskan usaha murni mereka ke arah meningkatkan kesedaran kepentingan alam sekitar*

*Semua murid berasa bangga dan seronok ketika menjalankan aktiviti menanam pokok ini. Masing-masing merebut peluang untuk merasai pengalaman menanam pokok di dalam pasu bunga. Guru kelas terpaksa menasihati mereka supaya sabar dan menunggu giliran masing-masing. Secara keseluruhannya, Kempen Menanam Pokok SJK (C ) Tai Tong, Sandakan berjalan dengan lancar dan mencapai objektifnya.*



Persatuan Pandu Puteri Malaysia menanam anak pokok hiasan semasa aktiviti kokurikulum dijalankan di sekolah.



# **LAWATAN SAMBIL BELAJAR KE LABUK BAY PROBOSCIS MONKEY SANCTUARY DAN BORNEAN SUN BEAR CONSERVATION CENTRE**

## **Objektif :**

- 1.Mendedahkan kepada para peserta tentang kepentingan pemuliharaan alam sekitar dan binatang-binatang liar yang hampir pupus.**
- 2.Memberi peluang kepada para peserta untuk mendekati diri mereka dengan alam sekitar dan melihat disiplin kerja yang diamalkan oleh para pekerja di kedua-dua tempat tersebut.**

**Tarikh : 19 Oktober 2013**

**Masa : 7.00 pagi hingga 5.00 petang**

**Destinasi : Labuk Bay Proboscis Monkey Sanctuary dan  
Bornean Sun Bear Conservation Centre**

**Penganjur : SJK (C ) Tai Tong**

**Sumber Tenaga : Guru Besar dan 38 orang Guru**

















**Ahli-ahli persatuan unit beruniform Bulan Sabit Merah SJK ( C)  
Tai Tong menyertai Lawatan Sambil Belajar yang dianjurkan oleh  
Persatuan Bulan Sabit Merah Bahagian Sandakan.**





Seramai empat orang murid Tahun Lima dan seorang guru pengiring yang menyertai International Eco-Schools Conference 2016 di Rainforest Discovery Centre, Sepilok, Sabah, Malaysia pada 13 – 17 Disember 2016





# International Eco-Schools Conference 2016



## GLOBAL CITIZENSHIP: SUSTAINABLE CONSUMPTION

13<sup>th</sup>-17<sup>th</sup> December

Rainforest Discovery Centre,  
Sepilok, Sabah,  
MALAYSIA

Organized by:



In partnership with:



Main sponsor



# Certificate of Participation



This certificate is awarded to

**CHIANG WAI PENG**

for being a participant of the

**International Eco-Schools  
Conference 2016**



**'Global Citizenship: Sustainable Consumption'**

13<sup>th</sup>-17<sup>th</sup> December  
Rainforest Discovery Centre,  
Sepilok, Sabah,  
MALAYSIA

*Datuk Sam Mannan*


Chief Conservator of Forests  
Sabah Forestry Department

Organised by:



**eijau**

In partnership with:







Gambar Adik Flora Wong Wai Kei menerima sijil kehadiran.



# Selamat Hari Ozon Sedunia



**16 September 2013**



Pertandingan Reka Cipta Barangan Hiasan Dengan  
Menggunakan Bahan Kitar Semula (Plastik) Oleh  
Unit Kebersihan Dan Keceriaan Sempena Sambutan  
Hari Ozon Sedunia Peringkat SJK (C) Tai Tong,  
Sandakan Bagi Tahun 2013.

TARIKH 5 OGOS 2013 HINGGA 20 SEPTEMBER 2013  
TEMA : INOVASI TRANSFORMASI ALAM SEKITAR MELALUI  
PENJANAAN BAHAN BUANGAN

## **Syarat-syarat penyertaan**

**Pertandingan ini terbuka kepada semua murid sekolah dan ia terbahagi kepada dua kategori iaitu kategori Tahap 1 dan Kategori Tahap 2.**

**10 hadiah iaitu 3 hadiah terbaik dan 7 hadiah sugu hati akan diberikan kepada para pemenang setiap kategori.**

**Tahap 1 – 10 hadiah**

**Tahap 2 – 10 hadiah**

**Penyampaian hadiah  
akan dilakukan pada 26  
September 2013  
(Khamis).**

**Reka Cipta Bahan Hiasan tersebut harus dibuat di rumah para peserta dengan bantuan seorang ahli keluarga mereka. Ini bermakna pertandingan ini adalah disertai oleh seorang murid dengan seorang ahli keluarga mereka. (Terhad kepada satu penyertaan sahaja untuk seorang murid.)**

**Bahan utama yang perlu digunakan ialah sebarang bahan kitar semula yang dibuat daripada plastik. Bahan buangan lain seperti kain boleh digunakan tetapi dalam kuantiti yang terhad.**



Hasil kerja para peserta akan dinilai daripada 4 kriteria iaitu :

- Penggunaan bahan kitar semula (plastik sahaja). (20 markah)
- Kreativiti para peserta dan ahli keluarga mereka. (30 markah)
- Kegunaan bahan hiasan tersebut. (40 markah)
- Keunikan luaran. (10 markah)

- Keputusan hakim adalah muktamad. Sebarang bantahan atau rayuan tidak akan dilayan.
- Tarikh tutup penyertaan adalah pada pukul 9.00 pagi 20 September 2013.

**Datuk Tain Fook En (Pengerusi Lembaga Pengurusan Sekolah) bergambar dengan memakai topi reka cipta seorang peserta. Beliau dengan murah hatinya telah menyumbangkan wang tunai sebanyak RM100 untuk dijadikan hadiah kepada para pemenang.**



Para Juri sibuk menilai hasil reka cipta para peserta .















第一阶段~作品





**Para ibu bapa dan murid-murid dialu-alukan untuk menyaksikan Pameran Reka Cipta Barangan Hiasan Dengan Menggunakan Bahan Kitar Semula (Plastik) selama 3 minggu di perpustakaan sekolah.**







# Pameran Secara Berperingkat-peringkat Hasil Tangan Para Peserta Yang Terpilih Ke Peringkat Akhir



## Laporan Lawatan dan Penyertaan Ke The Green Wave 2013 Anjuran SMK Muhibbah Sandakan

Merujuk surat jemputan bertarikh 13 Mei 2013 yang dikirimkan oleh Pejabat Pelajaran Daerah Sandakan dan surat Jawatankuasa program `Eco-Schools' SMK Muhibbah bil. SMKM/100/07/34 bertarikh 9 Mei 2013, pihak sekolah telah membuat keputusan untuk menyertai Program Green Wave dan Majlis Penyerahan Pokok Bagi Program Green Wave 2013.

Puan Tan Chew Keng (Guru Besar) dan Cikgu Jee Siew Ling (Ketua Unit Kebersihan Dan Keceriaan ) telah menyertai program ini pada 18 Mei 2013 (Sabtu) bertempat di SMK Muhibbah, Sandakan dari jam 8.00 pagi hingga 11.00 pagi. Pihak penganjur telah menyerahkan 20 anak pokok `Pagoda' kepada SJK (C ) Tai Tong melalui Guru Besar, Puan Tan Chew Keng pada pagi itu.

Puan Tan Chew Keng mengambil keputusan untuk menanam anak pokok `Pagoda' itu di sekeliling kawasan sekolah. Tujuan Guru Besar berbuat demikian adalah untuk menceriakan kawasan sekolah di samping mewujudkan gelombong hijau di SJK (C ) Tai Tong bagi menyahut program Green Wave 2013 daerah Sandakan.



# THE GREEN WAVE 2013

One School, One Tree, One Gift to Nature

## Certificate of Appreciation

This is to certify that

SJK (C) TAI TONG

Contributed to the success of the  
Green Wave 2013

on  
22<sup>nd</sup> MAY 2013

at  
SMK Muhtbbah Sandakan



Bernadette Joeman  
Manager  
Rainforest Discovery Centre  
SANDAKAN

Haji Sharif Mahada Bin Sharif Attar  
District Education Officer  
SANDAKAN



Organizer



Sponsored By



## **TINDAKAN PENALTI TERHADAP KELAS YANG GAGAL MEMATUHI PIAWAIAN KEBERSIHAN YANG DITETAPKAN OLEH UNIT KEBERSIHAN DAN KECERIAAN SJK(C ) TAI TONG, SANDAKAN.**

**Unit Kebersihan Dan Keceriaan telah membentuk satu ahli jawatan kuasa yang terdiri daripada Puan Chiang King Vun (Penolong kanan Hal Ehwal Murid) selaku pengerusi, Cikgu Leong Oi Khen (Penolong Kanan Kokurikulum), Cikgu Jee Siew Ling (Ketua Unit Kebersihan Dan Keceriaan) dan Cikgu Fung Man Kuan (Penasihat Penyelarasan Projek Keceriaan Unit Kebersihan Dan Keceriaan). Satu mesyuarat telah diadakan dan hasil mesyuarat tersebut mendapati perlu adanya penalti sebagai denda terhadap kelas yang paling kotor dan gagal mematuhi piawaian kebersihan yang ditetapkan. Penalti yang dicadangkan adalah seperti berikut:**

*Murid-murid di kelas yang mendapat tempat terakhir untuk tiga kali berturut-turut bagi kategori tahap satu dan tahap dua akan didenda membersihkan kelas pada masa rehat selama seminggu. Guru kelas dikehendaki memantau murid-murid menjalankan denda tersebut dari pukul 9.00 pagi hingga 9.10 pagi. Murid-murid kelas tersebut hanya dibenarkan ke tandas ataupun makan pada pukul 9.10 pagi hingga 9.20 pagi. Justeru itu, guru kelas hendaklah mengingatkan murid-muridnya supaya membawa bekalan makanan kerana mereka tidak lagi dibenarkan membeli makanan di kantin pada waktu rehat (9.00 pagi hingga 9.20 pagi) sepanjang hukuman denda itu dilaksanakan. Pengawas dan perpustakawan sekolah yang bertugas pada waktu rehat dikehendaki menjalankan denda tersebut pada masa yang ditetapkan oleh guru kelas mengikut budi bicara mereka. (Cadangan masa yang dibenarkan adalah pada pukul 1.20 - 1.30 tengah hari pada hari kelas tambahan waktu petang dijalankan).*

## ***Objektif***

Sasaran Unit Kebersihan Dan Keceriaan SJK ( C ) Tai Tong ialah memupuk disiplin arahan sendiri di kalangan murid-murid sekolah supaya mereka dapat menjalankan tanggungjawab membersihkan kelas masing-masing tanpa diarah atau disuruh oleh guru kelas.



**Murid-murid rajin menjalankan tugas membersihkan kelas masing-masing pada pukul 10.50 pagi. Pihak sekolah memperuntukkan masa selama 10 menit setiap hari untuk mendidik mereka menjalankan tugas rutin tersebut.**



**Cikgu Chiang Wai Peng bertugas sebagai guru pemeriksa pertandingan kebersihan & keceriaan kelas sedang menjalankan tugasnya dengan penuh berdedikasi. Semua guru akan bergilir-gilir untuk menjalankan tugas mereka seperti mana yang terdapat dalam senarai yang telah diedarkan. Setiap minggu terdapat 3 orang guru pemeriksa yang bertugas mencatat markah bagi penilaian tahap kebersihan & keceriaan 20 buah kelas.**

# 班级整洁比赛 评分表

PERTANDINGAN KEBERSIHAN ANTARA KELAS



TAHUN 2016 年

SJK (C) TAI TONG SANDAKAN

沙巴州山打根

大同国民型(华文)小学

KOD : XCC 2058

## 2016年班级清洁比赛成绩评分表

PERTANDINGAN KEBERSIHAN ANTARA KELAS TAHUN 2016

学期SEMESTER: 1 周次MINGGU: 7 日期TARIKH: 15-19 Feb

班别 Kelas	评比员姓名 Nama Penilai	15/2/16				16/2/16				17/2/16				总分 Jumlah	名次 Ranking
		评比	评比	评比	评比	评比	评比	评比	评比	评比	评比	评比	评比		
1B	叶艳佳YYC	5	4	5	4	4	4	5	5	5	4	5	5	55	3
1H	张爱芳GOF	5	5	5	4	5	4	5	5	4	5	5	5	57	1
1K	杨雨婷YYS	4	4	5	4	5	4	5	5	5	4	5	4	54	5
2B	潘碧慈PPC	5	4	5	5	4	4	5	5	5	4	4	5	55	3
2H	江崔敏KSY	4	5	5	4	4	5	4	5	4	5	4	4	53	7
2K	陈贞秀CJS	5	5	5	5	4	5	4	4	5	5	4	5	56	2
3B	黄丽玲WLL	5	5	5	3	4	4	3	5	4	5	5	4	52	8
3H	魏钰珊NYM	4	5	5	4	4	5	4	5	5	4	4	4	54	5
3K	林翠莹LCY	5	5	4	3	4	6	4	5	4	5	4	4	52	8
4B	杨嘉圆YKY	4	3	5	5	4	5	5	4	5	4	4	5	53	9
4H	饶心怡NSY	5	4	5	5	5	5	5	5	5	4	4	5	57	2
4K	黄丽清NLC	5	5	4	4	4	4	5	5	5	4	5	5	55	6
5B	江思娴KSH	5	4	5	5	5	4	5	5	4	5	5	5	57	2
5H	邱彩凤LHCF	5	5	5	4	4	5	5	5	5	4	5	5	57	2
5K	卢宛香LYH	5	4	5	4	4	4	3	4	4	4	4	5	50	11
5M	黄文意WWY	5	5	5	3	4	5	4	5	5	4	4	4	53	9
6B	郑婉儿CWY	5	5	5	5	5	5	5	5	5	4	5	5	59	1
6H	邱依婷HYT	4	3	5	5	5	4	5	5	5	4	5	5	55	6
6K	廖淑玲HSL	5	4	5	4	4	5	5	5	5	4	4	5	55	6
6M	陈瑞华CSF	5	5	4	4	5	5	5	5	5	5	4	5	57	2
评审老师		Kip				CNS									

评分等级: 1 极差 2 不良 3 尚可 4 良好 5 特优

**Unit Kebersihan dan Keceriaan SJK (C ) Tai Tong telah berjaya melaksanakan pemeriksaan kebersihan kelas bermula dari 2 Februari 2015 hingga 19 Oktober 2015. Guru-guru yang diberikan mandat untuk melakukan tugas berkenaan ialah Cikgu Jee Siew Ling (Ketua Unit Kebersihan & Keceriaan) dan Cikgu Chiang King Vun (PK HEM) selaku pemeriksa pertama dan kedua diikuti oleh seorang guru yang lain sebagai pemeriksa ketiga untuk semester pertama. Manakala untuk semester kedua, Cikgu Jee Siew Ling (Ketua Unit Kebersihan & Keceriaan) dan Cikgu Chiang King Vun (PK Hem) akan menjalankan tugas sebagai pemeriksa pertama secara bergilir-gilir. Semua guru yang lain akan bergilir-gilir untuk menjalankan tugas mereka seperti mana yang terdapat dalam senarai yang telah diedarkan. Selaku pengerusi Unit Kebersihan dan Keceriaan, saya amat berterima kasih kepada mereka kerana telah menjalankan tugas selaku pemeriksa kebersihan kelas dengan begitu berdedikasi, adil dan bertanggungjawab.**

**Unit kebersihan dan Keceriaan sekolah telah berjaya mendapat tajaan kewangan daripada Kapitan Voo Fook Ming untuk membiayai hadiah wang tunai sebanyak RM400 kepada pemenang bagi pertandingan keceriaan kategori tahap satu dan tahap dua. Selain itu, Tuan Kapitan Voo Fook Ming juga telah bersetuju untuk menyampaikan hadiah berkenaan kepada setiap pemenang pada Majlis Konvensyen Murid-murid Tahun Enam di Dewan Serbaguna SJK (C ) Tai Tong, Sandakan pada 20 November 2015.**

**Pemenang bagi Pertandingan Kebersihan & Keceriaan kelas bagi tahap 1 telah dimenangi oleh kelas 2H ( Cikgu Ngui Yee Mei), naib johan 3B ( Cikgu Chong Oi Fong) dan tempat ketiga 1H (Cikgu Kong Sui Yin). Manakala pemenang bagi pertandingan keceriaan bagi tahap 2 telah jatuh kepada kelas 5B (Cikgu Chang Wan Yee), naib johan kelas 5M ( Cikgu Chin Shui Fah) dan tempat ketiga 4B (Cikgu Chung Huey Tyng). Pemenang tempat pertama mendapat hadiah wang tunai sebanyak RM100.00, naib johan RM60.00 dan tempat ketiga RM40.00. Wang berkenaan boleh digunakan oleh guru kelas masing-masing bagi membeli hadiah untuk semua murid sebagai ganjaran kemenangan mereka. Hadiah wang tunai akan digunakan pada tahun semasa dan jangan dibawa ke tahun hadapan kerana wujud pertukaran kelas di kalangan murid dan guru kelas.**

# **Perlaksanaan Dan Perancangan Program-program Ke Arah Mewujudkan Sekolah Wira Serasi**

## **Amalan 5R (Rethink, Reduce, Repair, Reuse, Recycle)**

Pihak sekolah telah mengadakan aktiviti yang menekankan Amalan 5R iaitu (Rethink, Reduce, Repair, Reuse, Recycle) untuk konsep penghijauan sekolah. Perlaksanaan ini akan dijalankan bermula dari bulan Januari hingga Oktober setiap tahun dan penglibatan semua warga sekolah dan murid-murid adalah diperlukan.

### **Aktiviti Penjimatan kertas**

- Setiap kelas diwajibkan menyediakan sebuah bakul atau kotak untuk menyimpan kertas-kertas yang telah digunakan. Kertas-kertas ini akan digunakan untuk tujuan yang lain seperti berikut:
- kiraan matematik (kelas Matematik)
- mencatat nota penting
- aktiviti perbincangan
- hasil kraftangan (Pendidikan Seni)

1. **Guru-guru diminta memastikan semua murid menggunakan buku latihan (menulis di kedua-dua muka surat) dengan kadar yang berhemah. Murid yang didapati mengoyak kertas untuk membuat kapal terbang atau sebagainya harus diberikan nasihat dan amaran.**
2. **Kertas yang telah digunakan sepenuhnya dan tidak dapat digunakan lagi kerana semua ruangan telah ditulis harus dikitar semula dan bukannya dibuang ke dalam tong sampah.**
3. **Dilarang menggunakan kertas untuk melukis sebarang lakaran sebaliknya murid-murid dibenarkan menggunakan kertas terpakai. (nasihat dan amaran harus diberikan kepada murid-murid yang melakukan kesalahan ini.)**
4. **Guru diminta menyediakan kertas ujian formatif dan latihan secara berhemah. Jangan membazirkan kertas. Gunakan kertas secara maksimum asalkan tidak menyukarkan penglihatan murid-murid khususnya murid-murid tahun satu.**
5. **Edaran yang ditampalkan di papan kenyataan kelas boleh menggunakan kertas terpakai yang hanya telah digunakan di sebelah muka sahaja.**

# ***Kertas Kerja Perancangan Perlaksanaan Projek Kitar Semula SJK (C ) Tong Tong***

- Setiap kelas (20 kelas) dikehendaki menyediakan sudut kitar semula di kelas masing-masing untuk mengumpul bahan buangan seperti tin minuman, bekas plastik dan kertas (surat khabar, risalah, majalah dan sebagainya). Selain itu, pengumpulan bateri terpakai juga digalakkan.
- Setiap ahli Kelab Rakan Sekitar sekolah dikehendaki memastikan bakul kitar semula sentiasa berada dalam keadaan baik dan jika sudah penuh, mereka bertanggungjawab untuk menghantarkan semua bahan kitar semula itu ke pusat kitar semula sekolah.

- Memastikan semua murid di dalam kelas masing-masing menjalankan tanggungjawab mereka dalam menjalankan proses pengasingan bahan kitar semula.
- Pertandingan kitar semula diadakan setiap minggu untuk mencari pemenang bagi kategori kelas terbaik. Sijil akan diberikan kepada kelas yang memenangi kategori ini di akhir tahun.
- Guru Besar akan menjalankan pemantauan terhadap kerja-kerja kitar semula di setiap kelas. Pemantauan ini akan dijalankan oleh Guru Besar dan guru-guru Unit Kebersihan dan Keceriaan secara mengejut.

## Aktiviti Pengasingan Sampah

Setiap kelas diwajibkan mengadakan tiga kotak atau bakul yang bersesuaian untuk proses kitar semula. Pengasingan sampah harus sentiasa ditekankan. Guru Besar dan semua guru penolong kanan akan bergilir-gilir memberi markah kepada aktiviti pengasingan sampah ini untuk tujuan kitar semula setiap minggu. Keputusan untuk pertandingan aktiviti kitar semula ini akan diumumkan pada setiap pagi hari Isnin (perhimpunan) oleh Guru Besar. Markah maksimum untuk kategori ini adalah 25% atau 5 daripada 20 markah dalam pertandingan kebersihan dan keceriaan kelas pada setiap minggu.









# Aktiviti Menceriakan Kawasan Persekitaran Sekolah Dengan Bahan Kitar Semula











# REPLIKA BERBENTUK ZIRAFAH













## PROJEK JANGKA PANJANG : Fasa 1

Menceriakan kawasan persekitaran sekolah untuk mewujudkan suasana pembelajaran yang kondusif dan positif kepada murid dan guru.





***“Beramal sambil mencintai alam sekitar”. Hasil yang diperolehi daripada aktiviti kitar semula ini akan didermakan kepada Tabung Kebajikan Yayasan Taiwan Buddhist Tzu-Chi untuk tujuan-tujuan kebajikan.***



***Murid-murid sekolah dibawa ke SJK (C ) Tai Tong oleh pihak Tabung Kebajikan Yayasan Taiwan Buddhist Tzu-Chi pada hari Ahad (minggu keempat setiap bulan) untuk mengangkut semua bahan kitar semula yang telah dikumpulkan sepanjang bulan tersebut. SJK (C ) Tai Tong telah menjadi pusat pengumpulan bahan kitar semula bukan sahaja dari kalangan murid-murid sekolah tetapi juga masyarakat setempat.***

Beberapa orang murid SJK (C ) Tai Tong, Sandakan yang melibatkan diri dalam aktiviti kitar semula yang dianjurkan oleh Tabung Kebajikan Yayasan Taiwan Buddhist Tzu-Chi di Pusat Pengumpulan Kitar Semula di kawasan perumahan Taman Mawar pada hari Ahad minggu keempat setiap bulan.













Ramai ibu bapa yang turut hadir untuk menemani anak-anak mereka menjalani aktiviti kitar semula.

























Program Promosi Keselamatan Makanan ( Kempen Lihat, Hidu & Rasa Bagi Murid Tahun 4) bertarikh 17 April 2014 dari jam 9.00 hingga 12.00 tengah hari.

***Kejayaan yang telah dicapai oleh SJK (C ) Tai Tong, Sandakan dari Tahun 2005 hingga 2016 adalah seperti berikut:***

- 1. Mendapat sijil penghargaan dari Yayasan Taiwan Buddhist Tzu-Chi Malaysia, Cawangan Sandakan di atas pembabitan SJK (C ) Tai Tong dalam Aktiviti Projek Kitar Semula dari Tahun 2005 hingga 2016.**
- 2. Memenangi Sagu Hati Anugerah Serasi (Kategori Anugerah SERASI Peringkat Sekolah Rendah) Tahun 2009/2010 di Dewan Saadah, Wisma Muis, Kota Kinabalu pada 30 Oktober 2010.**  
**Rombongan sekolah disertai oleh Puan Tan Chew Keng (Guru Besar), Cikgu Chiang King Vun (Guru Penolong Kanan Hem) dan Cikgu Jee Siew Ling (Guru Serasi)**
- 3. Inovasi kantin SJK (C ) Tai Tong Sandakan Karnival Keselamatan Makanan Peringkat Negeri Sabah pada 3-4 November 2012 di Suria Sabah Kota Kinabalu Anjuran Bahagian keselamatan & kualiti Makanan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah**  
**(Rombongan sekolah disertai oleh Puan Tan Chew Keng (Guru Besar) dan Cikgu Chiang King Vun (Guru Penolong Kanan Hem))**



**Memenangi Sagu Hati Anugerah Serasi  
(Kategori Anugerah SERASI Peringkat  
Sekolah Rendah) Tahun 2009/2010**





**Anugerah  
Serasi  
(Kategori  
Anugerah  
SERASI  
Peringkat  
Sekolah  
Rendah)  
Tahun  
2009/2010**

- 4. Anugerah Kantin Bersih Peringkat Negeri Sabah 2012**  
**Naib Johan Kategori Kantin Sekolah Bandar di Karnival keselamatan Makanan Peringkat Negeri Sabah pada 3-4 November 2012 di Suria Sabah Kota Kinabalu Anjuran Bahagian Keselamatan & kualiti Makanan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah**
  
- 5. Sijil Pengiktirafan “Bersih, Selamat Dan Sihat” (BeSS) oleh Bahagian Keselamatan Dan Kualiti Makanan, Jabatan Kesihatan Negeri Sabah untuk tempoh tiga tahun berkuatkuasa dari tarikh sah laku sijil pada 20 Februari 2014**



## 6. Anugerah Sekolah Rakan Alam Sekitar SERASI 2013/2014 KOMPONEN TANDAS BERSIH DAN CERIA (BANDAR)



# 7. Mendapat JOHAN Anugerah Kantin Sekolah Bersih, Selamat, Sihat

## Peringkat Negeri 2015 KATEGORI BANDAR

(Barisan Para Juri )



Pada 9 Ogos 2015, Pihak SJK (C ) Tai Tong telah menghadiri Majlis Sambutan Hari Khas Kesihatan di Keningau yang dianjurkan oleh Jabatan Kesihatan Negeri Sabah. Kantin sekolah SJK (C ) Tai Tong dengan bangganya telah merangkul JOHAN dalam Anugerah Kantin Sekolah Bersih, Selamat & Sihat Peringkat Negeri Sabah (Kategori Bandar). Pihak sekolah telah menerima sijil dan wang tunai sebanyak RM600.00



8. JOHAN Pertandingan 3K  
(Kebersihan/Kesihatan/Keselamatan)  
Kategori Sekolah Rendah Peringkat Pejabat Pendidikan  
Daerah Sandakan 2015



Cikgu Chiang King Vun (PK HEM) mewakili SJK(C) Tai Tong, Sandakan menerima piala & sijil penghargaan daripada pihak Pejabat Pendidikan Daerah Sandakan.



# Mendapat Anugerah Wira Serasi Peringkat Sekolah Rendah (Sagu Hati Tempat Ke-7)



**LAPORAN TENTANG KEJAYAAN UNIT KEBERSIHAN DAN  
KECERIAAN**

**SJK ( C ) TAI TONG, SANDAKAN DALAM PENYERTAAN  
PERTANDINGAN ANUGERAH SEKOLAH RAKAN ALAM SEKITAR  
(SERASI) KALI KE-9 SESI 2015/2016**

**Tarikh : 22 OKTOBER 2016 (Sabtu)**

**Masa : 7.00 pagi hingga 1.00 petang**

**Tempat : Auditorium Tun Ahmad Raffae  
Menara Tun Mustapha, Kota Kinabalu**

**Perasmi : Y.B Datuk Seri Panglima Masidi bin  
Manjun  
Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan  
 Alam Sekitar Negeri Sabah**

Sukacitanya dimaklumkan bahawa SJK (C ) Tai Tong telah berjaya sampai ke peringkat akhir (10 finalis akhir) ANURGERAH WIRA SERASI bagi tahun 2015/2016. Ini merupakan penyertaan kali keempat pihak sekolah sejak tahun 2010 dalam pertandingan seumpama ini. Justeru itu, SJK ( C ) Tai Tong telah dijemput untuk menghadiri majlis anugerah ini bertempat di Auditorium Tun Ahmad Raffae, Menara Tun Mustapha, Kota Kinabalu pada 22 Oktober 2016 ( Sabtu ) dari jam 7.00 pagi hingga jam 1.00 petang melalui surat dengan Rujukan JPA/PRGN/00/800-1/5/1/2 Kit 3 bertarikh 7 Oktober 2016).

Rombongan sekolah ke majlis penyampaian anugerah ini terdiri daripada Puan Tan Chew Keng (Guru Besar), Puan Chiang King Vun (Penolong Kanan Hem) dan Cikgu Jee Siew Ling (Ketua Unit Kebersihan & Keceriaan / Guru Serasi ) yang bertolak ke Kota Kinabalu dengan penerbangan Air Asia pada 20 Oktober 2016 jam dan pulang ke Sandakan keesokan harinya dengan penerbangan Mas Wing. Keputusan pihak sekolah untuk menghadiri diri ke majlis penyampaian anugerah ini adalah bertujuan untuk mengambil bahagian dan memberi sokongan padu kepada Jabatan Alam Sekitar Negeri Sabah dan Jabatan Pelajaran Negeri Sabah bagi mencapai objektif Program SERASI ini bersempena Sambutan Minggu Alam Sekitar Malaysia 2016 yang bertema " Alam Sekitar Tanggungjawab Bersama".

Keputusan Majlis Anugerah Sekolah Rakan Alam Sekitar (SERASI) bagi Tahun 2015/2016 berdasarkan Mesyuarat Induk SERASI 2015/2016 pada 4 Oktober 2016 ini telah menyaksikan SJK (C ) Tai Tong mendapat SAGU HATI (TEMPAT KE-7) dalam Anugerah WIRA SERASI PERINGKAT SEKOLAH RENDAH. SJK ( C ) Tai Tong telah dianugerahkan sekeping sijil dan hadiah wang tunai sebanyak RM1000.00.

Diharapkan dengan kerjasama daripada semua warga pendidik, kakitangan sekolah, para murid dan masyarakat, usaha murni ke arah meningkatkan kesedaran tentang pemuliharaan alam demi kepentingan generasi yang akan datang dapat diteruskan dan dipertingkatkan. Anugerah ini berjaya membuktikan wujudnya kesungguhan, komitmen, dedikasi dari semua pihak dalam menjayakan semua program pemuliharaan alam sekitar yang dijalankan oleh SJK (C ) Tai Tong selama ini.



SEKOLAH RAKAN ALAM SEKITAR  
(SERASI) Ke-7, Sesi 2015/2016



SYABAS & TAHNIAH

*kepada*

SJK (C) TAI TONG, SANDAKAN

*peringkat*

ANUGERAH WIRA SERASI  
PERINGKAT SEKOLAH RENDAH  
SAGUHATI (TEMPAT KE-7)

*bertempat di*

AUDITORIUM TUN AHMAD RAFFAE  
MENARA TUN MUSTAPHA, MATA KINABALU

*pada*

22 OKTOBER 2016

DATUK YABI YANGKAT

Pengarah Jabatan Perlindungan Alam Sekitar  
Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Penganjur  
Majlis Penyampaian Anugerah SERASI 2015/2016



Environmental Education Society

Cadangan :

Adalah menjadi harapan kami jika pihak penganjur dapat menyediakan sijil penghargaan kepada setiap orang ***Guru Besar & Guru Serasi*** yang menyertai pertandingan ini. Sijil penghargaan ini amat bermakna dan berharga buat kami kerana ia merupakan satu pengiktirafan dan boleh dijadikan bukti ketika kami mengisi borang SKT. Terima Kasih.